



**PEKELILING AM KERAJAAN JOHOR
BIL 1 TAHUN 1994**

Semua Ketua Jabatan Negeri,
Semua Ketua Jabatan Persekutuan,
Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri,
Semua Pihakberkuasa Badan-badan Berkanun Negeri.

Y.B. Dato'/Datin Paduka/Tuan/Puan,

KEMUDAHAN CUTI KERANA MENUNAIKAN FARDHU HAJI KE MEKAH

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor dimesyuaratnya pada 2 Mac 1994 telah **BERSETUJU** supaya: -

- 2.1. semua pegawai dan anggota perkhidmatan awam negeri yang menerima atau tidak kurniaan tambang Fardhu Haji ke Mekah layak diberi cuti:-
 - 2.1.1. tujuh (7) hari sebelum penerbangan pergi;
 - 2.1.2. tempoh sebenar menunaikan Fardhu Haji (tidak melebihi 40 hari mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bil.4/84);
 - 2.1.3. tujuh (7) hari selepas ketibaan penerbangan balik.
 - 2.2. Kemudahan cuti 7 hari sebelum dan 7 hari selepas ini hanya boleh diambil bersekali dnengan Cuti Haji yang dilayaki oleh pegawai/anggota berkenaan.
 - 2.3. kelulusan ini berkuatkuasa mulai dari musim Haji tahun 1994 bersama dengan tahun 1414 Hijrah.
3. Dengan keluarnya surat ini, surat Bil.SUKJ.CP.96/7-3(60) bertarikh 24 Ogos 1992 adalah terpakai hanya bagi pegawai-pegawai dan anggota yang menunaikan Fardhu Haji sebelum tahun 1994 bersamaan tahun 1413 Hijrah.
4. Harap dapat Y.B. Dato'/Datin Paduka/Tuan/Puan memaklumkan perkara ini kepada semua pegawai dan anggota perkhidmatan awam negeri yang beragama Islam.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

**(DATO' ISHAK BIN MOHD.YUSOF)
SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR**